

## PERANAN BANK PUSAT ISLAM DALAM MELAKSANAKAN POLISI KEWANGAN

Abdul Rahim Anuar  
Universiti Utara Malaysia

### PENGENALAN

Matlamat polisi kewangan 'conventional' adalah untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang optimum, peningkatan gunatenaga ke arah tingkat gunatenaga penuh dan kestabilan harga. Walau bagaimanapun matlamat polisi kewangan ini berbeza dengan matlamat polisi kewangan dalam sebuah negara Islam. Menurut M. Umer Chapra (1985) matlamat polisi kewangan yang dituntut dalam Islam adalah:

- (a) Kesejahteraan ekonomi yang menyeluruh disertai dengan tingkat gunatenaga penuh dan kadar pertumbuhan ekonomi yang optimum.
- (b) Keadilan sosio-ekonomi dengan agihan pendapatan dan kekayaan (harta) yang saksama.
- (c) Kestabilan harga yang akan menentukan kestabilan nilai wang supaya perantara pertukaran (wang) ini menjadi unit perkiraan yang dipercayai, sebagai suatu 'standard' bagi pembayaran tertunda, dan sebagai simpanan nilai yang stabil.
- (d) Mobilisasi dan melaburkan tabungan supaya faedah dari pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.
- (e) Membangunkan pasaran wang dan modal pada peringkat 'primary' dan 'secondary' supaya sumber-sumber kewangan dan modal dapat digunakan dengan cekap dan sempurna.

Dari itu polisi kewangan yang dilaksanakan dalam sistem 'conventional' tidak menekankan keadilan dalam pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan ummah sepertimana yang dituntut dalam polisi kewangan Islam.

Matlamat polisi kewangan Islam ini hanya dapat dicapai dengan wujudnya suatu struktur dan sistem kewangan yang bebas dari amalan riba serta berdasarkan Syariah. Kewujudan sistem kewangan yang sedemikian ini, Insyaallah, dapat menyelesaikan

masalah-masalah seperti pengangguran, inflasi dan kelembapan pertumbuhan ekonomi yang tidak dapat diatasi oleh polisi kewangan 'conventional'. Menurut M. Umer Chapra (1985), sistem kewangan dalam negara Islam terdiri dari:

- (a) Bank Pusat
- (b) Bank Perdagangan
- (c) Institusi Kewangan Bukan Bank
- (d) Institusi Kredit Khas
- (e) Perbadanan Insuran Deposit
- (f) Perbadanan Audit Pelaburan

Pada lahirnya, struktur sistem kewangan Islam adalah sama dengan sistem kewangan 'conventional'. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan nyata antara kedua-dua sistem ini apabila ditinjau dari sudut falsafah, objektif, pelaksanaan, kuasa dan bidang tanggungjawab. Di antara institusi kewangan dan bukan kewangan di atas, hanya Bank Pusat diberi kuasa oleh pemerintah untuk melaksanakan polisi kewangan yang berdasarkan Syariah.

### **BANK PUSAT ISLAM**

Peranan utama bagi Bank Pusat dalam sebuah negara Islam adalah untuk melaksanakan dasar kewangan yang berdasarkan kepada Syariah. Menurut Afzalur Rahman (1979), institusi 'Baitul-Mal' yang diwujudkan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. boleh disifatkan sebagai sebuah institusi Bank Pusat dan fungsi utama Bank Pusat Islam adalah:

- (a) Untuk mengawal penawaran wang dan menyokong pasaran kewangan.
- (b) Jurubank bagi bank-bank perdagangan serta mengurus dan mengawal kegiatan bank-bank perdagangan dan institusi kewangan lain supaya tidak bertentangan dengan syariah.
- (c) Bank dan penasihat kewangan kepada pemerintah.

Di antara ketiga-tiga fungsi tersebut, pengawalan penawaran wang merupakan fungsi yang paling utama bagi Bank Pusat Islam. Pengawalan penawaran wang adalah perlu supaya kestabilan harga dapat dikekalkan dan dengan ini dapat menstabilkan nilai wang benar. Dengan wujudnya kestabilan nilai wang benar ini maka

urusniaga dapat dijalankan secara adil sepertimana yang dituntut dalam Al-Quran dan Hadith.

"...sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan keadilan dan janganlah kamu kurangkan hak orang sedikit suapan dan jangan pula berbuat bencana di muka bumi sebagai orang-orang perosak"

(Surah Hud: 85)

"Kamu sempurnakanlah sukatan, bila kamu menyukat dan timbanglah (sesuatu) dengan timbangan yang betul. Demikian itu lebih baik dan paling baik akibatnya"

(Surah al-Israak: 35)

Dari Abu Hurairah r.a. bersabda Rasulullah s.a.w.:

"Menjual (menukar) emas dengan emas mesti sama timbangannya, sama nilainya (kualitinya), dan menjual perak dengan perak mesti sama timbangannya, sama nilainya, dan barangsiapa yang menambahi dan meminta lebih sesungguhnya itu telah menjadi riba'.  
(Riwayat Muslim)

Dari Ubadah bin Shamit r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.:

"Menjual emas dengan emas, menjual perak dengan perak, atau menjual gandum dengan gandum, menjual syair dengan syair, menjual tamar dengan tamar dan menjual garam dengan garam, mesti sama nilainya (kualitinya) sama banyaknya, timbang terima, maka bila berlain-lainan macamnya, maka boleh kamu menjual bagaimana yang kamu kehendaki, asal saja timbang terima, dan tunai sama tunai".

(Riwayat Muslim)



Justeru itu kestabilan harga adalah penting dan perlu supaya kebajikan dan kesejahteraan kedua-dua belah pihak yang menjalankan urusanniaga tidak dianiaya dan teraniaya. Kenaikan harga yang berterusan sebaliknya akan mengurangkan nilai wang benar dan menjejaskan fungsi wang sebagai suatu unit perkiraan yang adil, menjadikan wang sebagai suatu 'standard' bayaran tertunda yang berbeza, dan menimbulkan keraguan terhadap fungsi wang sebagai simpanan nilai. Pengurangan nilai wang benar dan terjejasnya fungsi wang akan menimbulkan ketidakadilan apabila urusanniaga dijalankan dan akan membawa kemelaratan dan kos kebajikan kepada masyarakat. Umpamanya:

- (a) Urusniaga dalam bentuk pinjaman tanpa kadar bunga ataupun 'qard-ul-hassan': Apabila berlaku kenaikan harga, sipiutang akan mengalami kerugian kerana nilai pinjaman benar yang diberi kepada siberhutang telah berkurangan. Sebaliknya siberhutang akan mendapat keuntungan.
- (b) Urusniaga dalam bentuk barang-barang penggunaan: Barang-barang yang sangat diperlukan oleh manusia seperti makanan, pakaian atau keperluan hidup yang lain, maka haram hukum menyimpannya supaya harga dapat dinaikkan, kerana ini akan mendatangkan kesulitan ke atas manusia dan bererti pula zalim dan aniaya. Ini diterangkan dalam Hadith. Dari Ma'mar r.a. berkata ia: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.:

"Barangsiapa yang menyimpan- menyimpan barang yang dapat menimbulkan kemelaratan atas kaum Muslimin, Allah akan memukulnya dengan penyakit cangu dan kemiskinan.  
(Riwayat Ibnu Majah).

Ini bermakna, sebarang kegiatan urusniaga dari individu, kumpulan, ataupun institusi dalam negara Islam yang tindakan mereka cenderung ke arah kenaikan harga yang berterusan dalam ekonomi dianggap sebagai suatu gejala yang tidak sihat dan perlu diberi perhatian oleh pemerintah.

## PENGAWALAN STOK WANG

Kestabilan harga dapat dicapai dan dikekalkan menerusi pengawalan stok wang oleh Bank Pusat Islam supaya kadar pertumbuhan stok wang seimbang dengan kadar pertumbuhan output. Di samping itu pengawalan stok wang juga dapat mencapai matlamat-matlamat pembangunan dan kesejahteraan sosio-ekonomi yang dituntut oleh Islam.

Stok wang mengikut tafsiran teori ekonomi 'conventional' terdiri dari;

- M1 = matawang + deposit semasa di bank-bank perdagangan
- M2 = M1 + deposit tabungan dan tetap di bank-bank perdagangan.

Untuk tujuan perbincangan ini, deposit semasa, tabungan dan tabungan tetap akan digabungkan menjadi deposit sahaja. Dari itu stok wang (M) dalam sistem ekonomi kewangan Islam akan hanya terdiri dari;

$$M = \text{mata wang (CU)} + \text{deposit (D)} - (1)$$

Persamaan (1) secara tak langsung mencerminkan bahawa penentuan stok wang dipengaruhi oleh orang awam menerusi nisbah matawang-deposit, bank-bank perdagangan menerusi nisbah rezab-deposit, dan Bank Pusat Islam menerusi 'high-powered money'.

'High powered money' ataupun 'monetary base' terdiri dari matawang (wang kertas dan syiling) dan deposit rezab bank-bank perdagangan di Bank Pusat Islam. Memandangkan bahawa kadar pertumbuhan stok wang (M) berhubungan rapat dengan 'high-powered money' (Mo) maka Bank Pusat Islam perlu mengawas dan mengawal Mo dengan bijaksana lagi berhati-hati supaya matlamat polisi kewangan Islam tercapai.

Sebahagian lagi daripada 'high-powered money' yang diwujudkan oleh Bank Pusat Islam perlu diserapkan kepada pemerintah dalam bentuk pinjaman tanpa kadar bunga. Pinjaman ini akan dimobilisasikan oleh pemerintah untuk membiayai projek perumahan, infrastruktur, kemudahan perubatan dan pendidikan kepada golongan yang tidak mampu dan berpendapatan rendah.

Sebahagian lagi daripada 'high powered money' juga boleh diserapkan kepada bank-bank perdagangan dalam bentuk pinjaman mudarabah. Projek bank-bank perdagangan yang dibiayai oleh Bank Pusat Islam dan dilaksanakan mengikut prinsip mudharabah perlu mempunyai potensi berdaya maju serta membawa kebajikan kepada masyarakat. Di samping itu, Bank Pusat Islam perlu mengawasi dan mengawal kegiatan bank-bank perdagangan dalam sektor swasta supaya tidak membawa kepincangan dalam ekonomi.

Di samping itu, keuntungan yang diperolehi dari projek bersama ini, antara Bank Pusat Islam dengan bank-bank perdagangan, perlulah diserap kembali kepada projek-projek sosial yang dijalankan oleh pemerintah. Dengan cara ini, masalah kemiskinan dan jurang pendapatan antara masyarakat dapat dikurangkan dan dibasmikan. Seperti bank-bank perdagangan, sebahagian daripada 'high powered money' ini boleh juga diserapkan kepada institusi kredit khas dalam bentuk pinjaman mudarabah. Walau bagaimanapun pembiayaan ini hanya tertumpu kepada orang perseorangan yang bekerja sendiri, petani-petani, industri dan perniagaan yang berskala kecil yang mana kemudahan ini tidak disediakan oleh bank-bank perdagangan.

### NISBAH REZAB

Di samping pengawalan stok wang menerusi 'high-powered money', Bank Pusat boleh juga mengawal stok wang menerusi nisbah rezab yang ditetapkannya ke atas bank-bank perdagangan. Nisbah rezab

ini dapat dibahagikan kepada nisbah rezab tunai dan nisbah rezab berkanun.

Nisbah rezab tunai adalah sebahagian dari deposit yang dipegang oleh bank-bank perdagangan untuk memastikan pelanggan-pelanggan mereka boleh mengeluarkan deposit masing-masing dengan serta-merta apabila mereka memintanya. Manakala Nisbah rezab berkanun adalah sebahagian dari deposit yang bank perlu menyimpannya di Bank Pusat Islam. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kestabilan kewangan dan kecairan yang mencukupi dalam sistem bank serta sebagai sebahagian dari pelisi kewangan dalam percubaan bank Pusat Islam untuk mengawal stok wang. Menurut M. Umer Chapra (1985), bank-bank perdagangan dikehendaki menyimpan antara 10 - 20% daripada jumlah deposit semasa mereka di Bank Pusat Islam sebagai rezab berkanun.

Berdasarkan kepada sistem kewangan Malaysia, nisbah rezab berkanun yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia terhadap Bank Islam Malaysia Berhad adalah sekurang-kurangnya 5% dari jumlah liabiliti. Di samping itu, Bank Islam Malaysia Berhad dikehendaki menyimpan nisbah aset cair (nisbah rezab tunai) tahap minima 10% dari jumlah liabiliti (tidak termasuk liabiliti akaun pelaburan) dan 5% dari jumlah liabiliti akaun pelaburan.

Nisbah rezab berkanun berubah-ubah mengikut keadaan dan keperluan ekonomi. Kenaikan dalam nisbah rezab berkanun akan menyebabkan bank-bank perdagangan menguncupkan deposit mereka dan seterusnya mengurangkan kuasa dan kemampuan mereka untuk memberi pinjaman kepada pelabur-pelabur. Keadaan yang sebaliknya berlaku apabila Bank Pusat Islam menurunkan nisbah rezab berkanun. Keadaan ini dapat digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Aset			Liabiliti	
Nisbah Rezab	Pinjaman Mudharabah	Pinjaman Jangka Pendek Tanpa Kadar Bunga	Deposit Mudharabah	Deposit Semasa dan Tabungan
5%	\$6,333	\$3,167	\$5,000	\$5,000
10%	\$6,000	\$3,000	\$5,000	\$5,000
15%	\$5,667	\$2,833	\$5,000	\$5,000

Sumber: Rahman (1979)

Andaikan nisbah rezab yang dikehendaki oleh Bank Pusat Islam adalah sebanyak 10% dari jumlah liabiliti. Dari jumlah deposit ini bank akan memperuntukkan sebanyak  $\frac{2}{3}$  untuk pinjaman mudarabah dan  $\frac{1}{3}$  untuk pinjaman jangka pendek tanpa kadar bunga. Dari jadual 1: Deposit adalah \$10,000 (= Deposit Mudarabah + Deposit Semasa + Deposit Tabungan). Bank perlu menyimpan sebanyak \$1,000 sebagai rezab bank (=  $\frac{1}{10} \times 10,000$ ) untuk memenuhi keperluan Nisbah Rezab yang ditetapkan oleh Bank Pusat Islam. Baki deposit sebanyak \$9000 akan diserapkan kepada pinjaman mudharabah sebanyak \$6,000 (=  $\frac{2}{3} \times 9,000$ ) dan pinjaman jangka pendek tanpa kadar bunga sebanyak \$3,000 (=  $\frac{1}{3} \times 9,000$ ). Apabila nisbah rezab ditinggikan kepada 15%, pinjaman mudharabah akan berkurangan kepada \$5,667 dan pinjaman jangka pendek tanpa kadar bunga akan jatuh kepada \$2,833.

Pada hakikatnya, amatlah sulit bagi bank-bank perdagangan untuk menarik-balik pinjaman mudarabah dalam tempoh masa yang singkat untuk memenuhi keperluan nisbah rezab 15% memandangkan kepada projek pelaburan yang dibiayai secara mudharabah sedang dijalankan dan berdaya maju. Daripada itu bank perdagangan tidak akan menarik balik pinjaman mudharabah semata-mata untuk meningkatkan dana dan memenuhi keperluan nisbah rezab 15% yang dikenakan oleh Bank Pusat Islam terhadapnya. Sebaliknya bank perdagangan akan menarik balik pinjaman jangka pendek ataupun menjual saham industri (sekiranya ada) untuk memenuhi keperluan nisbah rezab 15%.

Kedadaan yang sebaliknya akan berlaku apabila Bank Pusat Islam merendahkan rezab kepada 5% sebagai dasarnya untuk meningkatkan stok wang.

Dengan adanya nisbah rezab berkanun, Bank Pusat Islam dapat mengawal stok wang kepada tingkat yang dikehendaknya dan juga dapat meningkatkan atau mengurangkan dana dalam pasaran kewangan supaya kestabilan ekonomi khususnya dalam sektor kewangan tercapai.

## **NISBAH PINJAMAN DAN NISBAH PEMBIAYAAN SEMULA**

Di samping mengawal stok wang, Bank Pusat juga dapat mengawal penawaran dan permintaan pinjaman tanpa kadar bunga menerusi Nisbah Pinjaman.

Nisbah pinjaman ini akan menentukan peratusan bahagian dari deposit semasa yang boleh dilaburkan dalam projek-projek berdaya maju yang berasaskan prinsip mudharabah oleh bank-bank perdagangan. Nisbah pinjaman ini juga merupakan satu daripada alat kawalan Bank Pusat Islam yang berkesan untuk mempengaruhi

dan menyelaraskan penawaran dan permintaan pinjaman tanpa kadar bunga dalam pasaran kewangan. Bank Pusat Islam boleh meningkatkan penawaran dana pinjaman tanpa kadar bunga dengan meninggikan nisbah pinjaman, dan keadaan yang sebaliknya berlaku apabila nisbah pinjaman diturunkan.

Dari perspektif lain nisbah pinjaman juga disebut sebagai "nisbah pembiayaan semula". Nisbah pembiayaan semula akan menentukan jumlah kuantiti wang yang dipinjamkan oleh Bank Pusat Islam kepada bank-bank perdagangan. Kesemua pinjaman yang diberi oleh Bank Pusat Islam di bawah skim pembiayaan semula adalah berjangka pendek. Bank-bank perdagangan akan membiayai projek-projek yang dijalankan oleh pelabur dengan dana dari rezab deposit semasa yang disimpan di bawah keperluan nisbah pinjaman Bank Pusat Islam. Apabila bank-bank perdagangan memerlukan tambahan dana untuk mengekalkan kedudukan kecairan mereka supaya dapat memenuhi keperluan tunai oleh pelabur, bank-bank perdagangan boleh mendapat kemudahan skim tersebut dari Bank Pusat Islam. Dari itu Bank Pusat Islam juga bertindak sebagai "pemberi pinjaman sumber terakhir".

Di samping itu juga, nisbah pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Pusat Islam boleh digunakan untuk mengawal kredit secara terpilih dengan menetapkan nisbah pinjaman yang berbeza untuk industri-industri yang tertentu ataupun mengenakan nisbah pinjaman yang berbeza untuk jenis pinjaman yang tertentu. Dengan meninggikan nisbah pinjaman untuk industri yang tertentu akan menggalakkan bank-bank perdagangan memberi pinjaman kepada industri tersebut. Dengan kawalan kredit yang terpilih, Bank Pusat Islam boleh menggunakan nisbah pinjaman sebagai satu alat dasar yang berkesan untuk meningkatkan atau mengurangkan penawaran kredit dalam pelbagai sektor ekonomi.

### **PENGAWAS URUSAN BANK**

Selain daripada pengawalan stok wang, Bank Pusat Islam turut juga mengawas, mengawal dan mengurus kegiatan bank-bank perdagangan supaya kegiatan mereka tidak membawa kos kebajikan kepada masyarakat dan bertentangan dengan Syariah. Bank Pusat Islam perlu mengawasi setiap permohonan dan mengawas keseluruhan proses dalam pemberian pinjaman untuk memastikan jumlah pinjaman adalah berkadar dengan keperluan tunai orang awam. Bank Pusat Islam juga perlu menentukan bahawa pinjaman tanpa kadar bunga adalah berjangka pendek dan peminjam perlu membayar dalam tempoh yang ditetapkan.

Setiap langkah perlu diambil oleh Bank Pusat Islam untuk mengelakkan amalan pembayaran lambat. Peminjam yang tidak

membayar pada tempoh yang telah ditetapkan sekiranya perlu akan dikenakan denda yang berdasarkan Syariah kerana mereka telah tidak mematuhi kontrak/syarat peminjam. Sekiranya peminjam tidak dapat memenuhi kontrak/syarat peminjaman atas sebab-sebab yang tertentu seperti masalah kecairan, Bank Pusat Islam perlu menanggung beban dengan membayar hutang tersebut bagi pihak siberhutang kepada bank-bank perdagangan. Pinjaman ini dibayar dari dana zakat perbendaharaan kepada Bank Pusat Islam.

Bank Pusat Islam juga perlu membuat beberapa garis panduan terhadap syarat-syarat terhadap agihan pinjaman bank-bank perdagangan kepada pelabur. Dalam pemberian pinjaman ini, Bank Pusat Islam akan memastikan supaya modal pinjaman digunakan dengan sepenuhnya dan membawa kebajikan yang semaksima kepada masyarakat. Ini adalah perlu kerana untuk mengawal dan mengukuh kedudukan dana di pasaran kewangan. Pelanggan yang sangat memerlukan pinjaman dan mempunyai kemampuan untuk membayar balik pada tempoh yang ditetapkan dalam kontrak/syarat peminjaman akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk mendapat pinjaman yang seterusnya.

Bank Pusat Islam juga perlu memeriksa 'bayaran' yang dicajkan oleh bank-bank perdagangan terhadap bakal peminjam supaya tidak berlebihan dan membebaskan pelanggan tersebut.

### **PENASIHAT DAN JURUBANK KEPADA PEMERINTAH**

Peranan terakhir bagi Bank Pusat Islam adalah jurubank kepada pemerintah. Pemerintah boleh menyimpan dana penerimaan dari zakat, pendapatan dari sumber-sumber semulajadi, cukai dan pinjaman kerana Bank Pusat Islam berfungsi sebagai institusi 'Baitul-Mal'. Bank Pusat Islam diberi kuasa untuk menyediakan pendahuluan-pendahuluan (pinjaman) sementara kepada pemerintah menerusi 'high-powered money' untuk menampung sebarang kewangan dalam perbelanjaan pembangunan pemerintah. Di samping itu juga bank Pusat Islam menguruskan hutang awam dan bertanggungjawab mendapatkan pinjaman bagi pemerintah, khususnya bagi pinjaman dari luar negeri, supaya tidak terlibat dalam pinjaman yang mempunyai unsur-unsur riba. Pinjaman sedemikian boleh diperolehi dari negara-negara Islam lain dan juga dari Islamic Development Bank yang berpusat di Jeddah.

### **KESIMPULAN**

Pengawalan stok wang menerusi alat-alat keterangan polisi kewangan (seperti 'high-powered money', nisbah rezab, nisbah pinjaman dan nisbah pembiayaan semula) merupakan matlamat utama bagi Bank Pusat Islam dalam mencapai dan mengekalkan kestabilan

struktur kewangan serta mengukuhkan sistem kewangan. Bank Pusat Islam bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pertumbuhan stok wang adalah mencukupi untuk menampung pertumbuhan output dalam tempoh masa yang sederhana dan panjang serta mempertahankan harga yang stabil dan mencapai matlamat sosio-ekonomi Islam. Bank Pusat Islam menerusi polisi kewangan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkembangan kewangan tidak terlalu pesat dan tidak terlalu lembab tetapi mencukupi untuk mengeksploitkan keupayaan ekonomi dengan sepenuhnya supaya pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan membawa kebajikan kepada masyarakat keseluruhannya, juga kesejahteraan ummah.

RUJUKAN

A

1. Afzalur Rahman, Economic Doctrines of Islam. Banking and Insurance (Vol. 4). The Muslim School Trust, London, 1979.
2. Al Ustadz Hj. Idris Ahmad S.H., Fiqh Syafi'i (Jilid 2), Pustaka Antara, Kuala Lumpur. 1983.
3. Bank Negara Malaysia, Wang dan Urusan Bank di Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
4. Dornbush R., and Fisher S., Macroeconomic, McGraw Hill Singapore 1987
5. M. Umer Chapra, Towards a Just Monetary System, Ten Islamic Foundation, London, 1985.

004025901H  
PERPUSTAKAAN  
Universiti Utara Malaysia